



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 26 APRIL 2024 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBSJ BELASAH FC JAPAN MALAYSIA 15-0

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBSA MBPJ	- RM10,000 HADIAH PERTANDINGAN FOTO - MUAT TURUN APLIKASI KITAR SEMULA 4,239 TAN BARANGAN KITAR SEMULA
2.	SINAR HARIAN	DBKL	DBKL SITA 11 AKTIVITI PERNIAGAAN SEKITAR IBU KOTA

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	- RUMAH TERBUKA AIDILFITRI 27 APRIL - VAN UNTUK TETAMU MAJLIS RAYA - KUTIPAN SAMPAH RAYA MENURUN - UMUM SKIM GAJI KAKITANGAN 1 MEI - RM1,500 RINGAN BEBAN MANGSA BAH
2.	THE STAR	- NEW EPF INITIATIVE WON'T HAVE SIGNIFICANT IMPACT ON PRPERTY SECTOR - THE KEY TO HOMEOWNERSHIP - WORKERS LEFT VULNERABLE DUE TO LOW EPF ENROLMENT - NO REWARDS FOR LYING DOWN ON THE JOB UNDER SSPA
3.	SINAR HARIAN	- RUMAH TERBUKA SELANGOR SABTU INI - INFLASI KEKAL 1.8 PERATUS - AKAUN FLEKSIBEL KUAT KUASA 11 MEI - PENGELUARAN TAHUN PERTAMA DIANGGAR CECAH RM25 BILION - KERAJAAN AKAN UMUM BUTIRAN MEKANISME RASIONALISASI SUBSIDI - HANYA KELUARKAN JIKA TERDESAK - TAK PATUT GUNA DUIT KWSP UNTUK BERCUTI, BELI BARANGAN MEWAH
4.	KOSMO	- AKAUN FLEKSIBEL BERKUAT KUASA 11 MEI - PERUBAHAN OPERASI BRT LALUAN SUNWAY SABTU INI
5.	HARIAN METRO	- DISTRUKTUR KEPADA 3 AKAUN MULAI 11 MEI 66.0% MAHU MANFAAT AKAUN FLEKSIBEL UNTUK BAYAR HUTANG - TAK GUNA JADI RAKYAT MALAYSIA JIKA TAK FASIH CAKAP MELAYU - PENJAWAT AWAM KENA PANDAI SPEAKING JUGA
6.	BERITA HARIAN	- PWNSTRUKTURAN SEMULA TIGA AKAUN KWSP BERMULA 11 MEI - CARUMAN PERKESO BUKTI KEPRIHATINAN KERAJAAN - MEKANISME RASIONALISASI SUBSIDI DIUMUM BEBERAPA MINGGU LAGI - PROGRAM HEART MANFAAT M40, B40 - TENAGA MAHIR JADIKAN MALAYSIA NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI - KADAR INFLASI TERUS TERKAWAL PADA 1.8 PERATUS BULAN LALU - MALAYSIA SASAR NEGARA UTAMA SEDIA EKOSISTEM SYARIKAT PEMULA GLOBAL
7.	UTUSAN MALAYSIA	AKAUN FLEKSIBEL KWSP, GUNA JIKA PERLU INGAT SIMPANAN HARI TUA

BIL	AKHBAR	TAJUK
		• BOLEH KELUARKAN KWSP IKUT KEPERLUAN MULAI 11 MEI • PENSTRUKTURAN SEMULA AKAUNKWSP BERDASARKAN KEPERLUAN SEMASA • INFLASI MALAYSIA KEKAL 1.8 PERATUS PADA MAC LALU
8.	NEW STRAITS TIMES	• POTENTIAL BENEFITS FOR GDP GROWTH • EPF TO RESTRUCTURE MEMBER'S ACCOUNTS • BOOST MALAYSIAN TOURISM AND CULTURE SECTOR
9.	THE SUN	• EPF: MOVING FUNDS TO AKAUN FLEKSIBEL NOT MANDATORY • LAW ENHANCED TO BOOST OCCUPATIONAL SAFETY • PROMISES REMAIN UNFULFILLED FOR SQUATTER FAMILIES

Ulang rekod Liga Super Wanita 2021

MBSJ belasah FC Japan Malaysia 15-0

Oleh AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - MBSJ FC terus mengekalkan rekod tanpa kalah selepas membelasah FC Japan Malaysia 15-0 dalam perlawanan keempat Liga Super Wanita (WSL 2024) di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 20 April.

Fatin Shahida muncul pemain terbaik perlawanan dengan lima gol bermula minit ke-15, 25, 42, 62 dan 70 diikuti empat gol Intan Sarah selepas Nurlyana Soberi memulakan pesta jaringan seawal minit keempat.

Steffi Sarge Kaur turut mencatat nama sebagai penjaring pendahulu

kumpulan A itu dengan hatrik pada lima minit terakhir permainan serta dua gol Lee Xin-Yi pada minit 50 dan 56.

Kemenangan terbesar tersebut mengulangi rekod cemerlang MBSJ FC yang menewaskan Rhym Rovers dengan jumlah jaringan sama pada 2021.

MBPJ FC turut mencatat kemenangan bergaya 9-0 ke atas Stern FC untuk kekal di tempat kedua dengan 10 mata.

Nadia Roslan menambah koleksi jaringan musim ini selepas meledak tiga gol pada babak pertama bermula minit ke-13, 25 dan 29.

Farahiyah turut cemerlang menghasilkan dua jaringan buat MBPJ FC diikuti satu gol masing-masing daripada

Nurul Nuha, Malini dan Nur Nasuha.

Turut menang besar Selangor FC yang menewaskan FC Swat 5-0 dengan empat gol disumbang Najwa Irdina selepas Ameesha Danya membuka tirai jaringan awal minit kedua.

Sementara itu, dua gol Kanchenjeet Kaur dan satu gol Dian Aqilah membantu SSS Leopard FC mengatasi SA United 3-0 sekali gus merampas kedudukan pendahulu kumpulan B daripada Peremas FC yang tewas mengejut 0-1 kepada PNSB FC.

Satu lagi perlawanan kumpulan sama menyaksikan Penang Real CJ mengutip tiga mata pertama musim ini menewaskan Galaxi Girls PJ 4-0.



Pemain MBSJ FC Intan Sarah (tengah) melepasi kawalan pemain FC Japan Malaysia ketika membantu pasukannya menang 15-0 dalam perlawanan keempat Liga Super Wanita di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 20 April. Foto Persatuan Bola Sepak Selangor

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 APRIL 2024

RM10,000 hadiah pertandingan foto

SHAH ALAM - Orang ramai berpeluang memenangi hadiah wang tunai keseluruhan RM10,000 dalam Pertandingan Fotografi Shah Alam 2024 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Pertandingan bertema mercu tanda, alam semula jadi, gaya hidup dan panorama malam di sekitar bandar raya berkenaan berlangsung antara 25 Mac hingga 31 Ogos.

"Jom ramai-ramai sertai pertandingan ini untuk merebut hadiah wang tunai," kata kenyataan pihak berkuasa tempatan itu di Facebook baru-baru ini.

Hadiah yang ditawarkan bagi kategori awam adalah RM2,000 untuk johan diikuti naib johan (RM1,500), tempat ketiga (RM1,000) dan sagu hati (RM200 untuk lima pemenang).

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 APRIL 2024

Muat turun aplikasi kitar semula

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyeru penduduk daerah itu memuat turun aplikasi 3R Famili.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata aplikasi itu platform untuk memudahkan cara penduduk berkomunikasi bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenai kutipan kitar semula.

"Menerusi aplikasi ini ia memudahkan penduduk untuk tahu berhubung waktu kutipan kitar semula dilaksanakan MBPJ dan mereka juga boleh minta kutipan dibuat di tempat masing-masing.

"Kita juga menyeru ahli majlis untuk bersama membantu menguar-uarkan lagi untuk memuat turun aplikasi ini," katanya selepas merasmikan Karnival Kitar Semula Bersama Komuniti Petaling Jaya 2024 di sini pada 22 April.

Mohamad Zahri turut menyeru orang awam menyalur aduan, cadangan atau permohonan menerusi sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) MBPJ.

"Mulai 1 Mac lalu, MBPJ akan menaik taraf sistem e-Aduan kepada SISPAA. Justeru, aplikasi Mobile a-Aduan MBPJ pula dihentikan buat seketika.

"Setakat ini kita menerima aduan berhubung kejadian tanah runtuh, hujan lebat, pokok tumbang, sampah dan anjing," katanya.

4,239 tan barangan kitar semula

PETALING JAYA - Sebanyak 4,239 tan barangan kitar semula pelbagai jenis dikutip Majlis Bandaraya Petaling (MBPJ) sepanjang tahun lalu.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata sebanyak 1,917 tan diperoleh menerusi program kutipan kitar semula pintu ke pintu di 85 kawasan.

"Program kutipan pintu ke pintu yang bermula sejak 2020 membabitkan 54,500 unit kediaman dengan purata

penyertaan penduduk 60.08 peratus sehingga kini.

"Konsep program ini adalah kita memberikan kotak kuning kepada peserta kemudian apabila kotak itu sudah penuh dengan barangan kitar semula mereka boleh hubungi MBPJ untuk kutipan," katanya.

Beliau merasmikan Program Karnival Kitar Semula Bersama Komuniti Petaling Jaya 2024 di Dewan Bankuet di sini pada 22 April.

Mohamad Zahri berkata karnival itu bertujuan meraikan dan menghargai peranan serta kerjasama diberi penduduk Petaling Jaya dan rakan strategik seperti Nestle Products Sen Bhd dan Tetra Pak Malaysia Sdn Bhd.

"Kita berharap program ini dapat memberi pendekatan secara terus kepada penduduk setempat berhubung kaedah pembuangan sampah dengan betul serta mempratikkan amalan kitar semula," ujarnya.

Ella, Naim Daniel meriahkan sambutan

Rumah Terbuka Aidilfitri 27 April

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

SHAH ALAM - Ratu rock tanah air Ella bakal memeriahkan sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat negeri di Bandar Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor pada 27 April.

Selain penyanyi lagu Permata Biru itu, penyanyi muda terkenal Naim Daniel dan Sarah Suhairi juga mengadakan persembahan dalam majlis yang dijadual bermula jam 8 malam.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah juga berke-

nan berangkat ke acara tahunan yang turut diserikan celoteh deejay Suria FM Feeya Iskandar atau Cik Piah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, barisan EXCO dan seluruh pimpinan negeri hadir sama.

"Marilah bersama-sama kepimpinan Kerajaan Negeri dan persekutuan serta rakyat bagi merai Aidilfitri yang mulia di rumah terbuka Kerajaan Selangor. Jumpa di sana," kata Amirudin pada 23 April.



Menurut Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pula, program Rih Raya Kita Selangor itu menghidangkan aneka jua-dah raya selain pemberian duit raya dan pertunjukan bunga api.

"Apa tunggu lagi? Jom sama-sama kita meriahkan Rumah Terbuka Rih Raya Kita Selangor 2024," kata kenyataan di Facebook.

Sambutan tersebut boleh ditonton dalam YouTube SelangorTV dan semua media sosial Media Selangor.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 APRIL 2024

Van untuk tetamu majlis raya



SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menyediakan tiga van ulang-alik bagi kemudahan penduduk susulan penutupan jalan untuk persiapan penganjuran rumah terbuka negeri pada Sabtu.

Kenderaan tersebut disediakan mulai esok di hadapan pejabat pendidikan daerah, Jalan Dato' Tabal

serta hadapan pejabat pos pekan berkenaan.

Kemudahan dari 9 pagi hingga 4.30 petang sehingga Isnin depan termasuk proses membuka semula khemah dengan penutupan jalan dibuat secara berperingkat.

"MPHS sebaiknya mencari inisiatif bagi meminimumkan kesulitan dan

membolehkan semua pihak menjalankan urusan harian seperti biasa," kata kenyataan pada 23 April.

MPHS menambah penutupan hanya melibatkan sebahagian jalan, namun masih boleh diakses melalui laluan lain seperti Jalan Abdul Hamid, Jalan Dato' Tabal, Jalan Rasathurai dan Jalan Dato' Balai.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 APRIL 2024

Kutipan sampah raya menurun

SHAH ALAM - Kutipan sampah domestik di seluruh Selangor mencatat penurunan sepanjang minggu pertama Aidilfitri.

Pengarah Urusan KDEB Waste Management (KDEBWM) Dato' Ramli Mohd Tahir berkata penurunan itu disebabkan masyarakat pulang ke kampung.

"Pada dua hari sebelum Aidilfitri kutipan mencatat sekitar 5,000 hingga 6,000 tan sehari. Namun, pada awal Aidilfitri kutipan hanya sekitar 4,000 tan sehari berbanding hampir 7,000 tan tahun lalu," katanya pada 23 April.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan dua lagi pusat kitar semula pandu lalu automatik (ATDReC) akan dibuka pada tahun ini.

"Pusat kitar semula ini dibina untuk memudahkan orang awam membuang sampah kitar semula di tempat yang lebih selesa. Urusan pembayaran barangan kitar semula dilakukan dalam tempoh 48 jam.

"Setakat ini, pusat ini beroperasi di Sepang sahaja dan kita jangka akan buka di dua lagi pihak berkuasa tempatan," katanya.

Mac lalu, ATDReC pertama dibuka di Cyberjaya bagi kemudahan orang ramai selain meningkatkan kesedaran amalan kitar semula.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 APRIL 2024

Umum skim gaji kakitangan 1 Mei

SHAH ALAM - Cadangan penambahbaikan termasuk meningkatkan kadar pendapatan penjawat awam akan diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam perhimpunan Hari Pekerja.

Beliau berkata mesyuarat berkaitan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang membincangkan perincian struktur gaji penjawat awam hampir memuktamad penambahbaikan itu, lapor Bernama.

"Saya tegaskan komitmen menyelesaikan usaha tambah baik struktur gaji penjawat awam menerusi kajian SSPA di sebalik ekonomi negara yang mencabar kesan ketidaktentuan geopolitik dunia," katanya pada 19 April.

Meski pentadbiran kerajaan bersilih ganti sebelum ini, kajian berkaitan kadar upah penjawat awam tidak dijalankan selama 12 tahun mengakibatkan pendapatan mereka kekal di takuk lama.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 APRIL 2024

RM1,500 ringan beban mangsa bah

SHAH ALAM - Kerajaan menghulur bantuan RM1,500 kepada setiap keluarga yang berteduh di pusat pemindahan sementara (PPS) selepas kediaman mereka terjejas banjir baru-baru ini.

EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi berkata RM1,000 disumbangkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) manakala RM500 lagi oleh Kerajaan Negeri.

"Sebanyak 178 keluarga yang tinggal di tiga PPS iaitu 90 keluarga di daerah Peta-ling, 15 keluarga di Kuala Selangor dan 73 keluarga di Klang.

"Bantuan sekali bayar itu akan diserahkan kepada setiap isi rumah yang ber- lindung di PPS pada musibah banjir baru- baru ini," katanya pada 23 April.

Najwan berkata mangsa yang tidak ber- lindung di PPS juga dibenarkan memohon bantuan kewangan berkenaan.

"Mereka yang tidak tinggal di PPS boleh membuat laporan polis mengenai bencana masing-masing dan kemukakan permohonan ke pejabat daerah untuk kita selaraskan bantuan," katanya.

Hujan lebat luar biasa dan berpanjan- gan baru-baru ini menenggelamkan be- berapa kawasan antaranya di Sungai Bu- loh, Subang dan Meru.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 26 APRIL 2024

'New EPF initiative won't have significant impact on property sector'

SAAR 26/4

PETALING JAYA: Despite lower contributions to Akaun Sejahtera following the Employees Provident Fund's (EPF) latest initiative, analysts are of the opinion that it won't have a significant impact on the property sector.

Economists said this was because Akaun Sejahtera, formerly known as Account 2, only saw a decrease of 5% in contributions, and it will not have an adverse effect on a person's plan to purchase a home.

Socio-Economic Research Centre (SERC) executive director Lee Heng Guei said that prospec-

tive homebuyers would not rely entirely on Account 2 savings to buy a home.

"I'm sure there are other savings in addition to Akaun Sejahtera that are going to supplement an individual's plans to buy a house.

"I think it won't have a significant impact on the property sector because, as a buyer, you have already made plans on the down payment amount," he said.

However, he said the reduced contributions to Akaun Sejahtera may have a more adverse effect

on middle-income earners making about RM5,000 a month.

"Their income isn't high, and they depend a lot on the EPF.

"They may have to save for a few more years (for their house purchase plans)," Lee said.

He said it is entirely up to an individual whether or not to opt in for an initial amount to their Akaun Fleksibel, also known as Account 3.

"The onus is on you. Account 3 will always be there, and if you decide to have 10% there, then let it be. Otherwise, you can zeroise Account 3," he said.

Lee also stressed on the importance of having sound financial literacy and discipline if an individual decides to opt in for Account 3.

"For those who want to opt in for Account 3, make sure you know how to manage it because you don't want to come to a point where you will have no extra account to resort to in a crisis.

"Think carefully, because you have from May until August to decide," he said.

Malaysian Institute of Economic Research (MIER) head of research and senior research

fellow Dr Shankaran Nambiar said while Akaun Fleksibel may affect funds available for house purchases, education and health-care, it may be necessary in the event of an emergency.

"While it may be necessary to cover emergencies arising from floods and unexpected events, given the lack of a system that covers such events and the low savings rate for certain segments of the population, there has to be a way out," he said.

> TURN TO PAGE 5

THE STAR
26 APR 2024
Tarikh:

The key to homeownership

By **TARRENCE TAN**
and **RAGANANTHINI**
VETHASALAM
newsdesk@thestar.com.my

This is primarily to preserve the balance in their Akaun Sejahtera (Account 2) for the purchase.

"If I decide to go ahead with the Account 3 opt-in, then I would have reduced funds in my Akaun Sejahtera by one third," he said.

"If I decide not to opt for Akaun Fleksibel, then I would have saved up some amount of money by September next year," said the bank executive.

savings reducing significantly, and I cannot afford that because I have already budgeted an amount for my house renovations next year.

Joe Hisham, 28, said his Akaun Sejahtera will definitely take a hit if he chooses to opt in for Akaun Fleksibel.

ty at the moment, and I have other savings. Homebuying using Akaun Sejahtera funds also alleviates my loan repayment when added to my current savings," said the engineer.

The flexible account, according to Siti Zahariah Ali, 53, is ideal for individuals like her who have enough money in Akaun Sejahtera to make a down payment on a house but are unable to withdraw it.

"This is why I am applauding Account 3, as now I can transfer my EPF contributions from Akaun Sejahtera to Akaun Fleksibel so that I can withdraw to buy my second house," she added.

"I think opting in for Akaun Fleksibel is a good idea, as it will be an emergency fund. But I would only use it in desperate times," she said.

Starting May 11, EPF members

For people with a balance of more than RM1,000 and less than RM3,000, the amount transferred to Akaun Fleksibel would be RM1,000, with the remainder retained in Akaun Sejahtera.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

'Workers left vulnerable due to low EPF enrolment'

> FROM PAGE 3

"I think, taking the desperate situation people get into, the EPF has found it necessary to make this arrangement; reality gets the better of what's prudent," he said.

On another note, Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Mohd Afzanizam Abdul Rashid said the Akaun Fleksibel may not have much of an impact on retirement savings.

"Akaun Persaraan (Account 1) was previously at 70%, and now the ratio has gone up to 75%. I suppose that should help mitigate the impact of Akaun Fleksibel's (AF) withdrawal," he said.

"If they need it immediately, perhaps an opt-in for initial loading will be an ideal choice," he said.

"Otherwise, they can just let the Akaun Fleksibel accumulate and make the necessary withdrawals as they deem fit. And the amount in Akaun Sejahtera will be the same as in previous years if the members do not opt in," he added.

For research fellow Dr Muhammad Abdul Khalid, the new EPF initiative serves as a "middle ground" in the government's measures to balance public pressure on rising financial challenges and the need to strengthen an individual's retirement funds.

"With this approach, you retain the flexibility to access your cash (via Account 3) as needed while simultaneously improving your retirement savings," said Muhammad of the Institute of Malaysia and International Studies at Universiti Kebangsaan Malaysia.

However, Muhammad said this initiative would have a limited effect on assisting the vulnerable because not all of such workers possess an EPF account.

"Only half of non-pensionable workers are enrolled in EPF, leaving a large portion of the Malaysian workforce without adequate social protection. This means that nearly half of Malaysian workers won't benefit from the initiative," he said.

Muhammad said that even if a low-income wage earner does have an EPF account, their savings are way too small.

"For instance, among the B40 that are EPF members, half of them have savings of less than RM250 in Account 2, and for the bottom 10%, half of them have less than RM10.

"They do not have enough to transfer to Account 3 for immediate withdrawal," he said. Therefore, Muhammad said it is important for Putrajaya to come up with a more effective approach.

The EPF has launched Account 3, with members given a one-time opt-in option to transfer funds from their Account 2 to the newly launched "Akaun Fleksibel".

The funds will transfer into Account 3 within 24 hours if a member opts in.

'No rewards for lying down on the job under SSPA'

By MARTIN CARVALHO
and GERARD GIMINO
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Non-performing and lazy civil servants will not be rewarded under the revamped Public Service Remuneration System (SSPA), and this is to drive home the importance of good work performance and efficiency within the civil service, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Prime Minister said reforms within the public sector would be done in tandem when the new remuneration scheme was implemented.

"There are some who are lazy and non-performing within the civil service. I do not think they should be promoted," Anwar said at the Malaysian Administrative and Diplomatic Service Association (PPTD) town-hall gathering in conjunction with the Hari Raya Aidilfitri celebration yesterday.

"This will be in regard with the civil service reforms as we hope to improve on performance."

The Prime Minister noted that this was among matters raised when discussing ways to improve the salary structure of civil servants through the SSPA.

He said with the revamped



Nice to meet you: Anwar (centre) greeting the people at the Madani Muhibbah Aidilfitri open house organised by the Ministry of Communications and Ministry of Housing and Local Government in Putrajaya. — Bernama

scheme having financial implications on the government, it should also come with improvement in civil servants' performance.

"We hope for better efficiency. Department heads have to monitor their staff members' work because while there are those who put in the effort, there are some who are lazy and underperforming. I do not think these civil

servants should be promoted," he said.

The Prime Minister hinted that the upcoming SSPA and rewards under it would be among the best the country has ever seen.

"It's not your problem (to find money) but it's the Finance Minister's. I will have a discussion with him," he said, drawing laughter from the crowd.

In his meetings with senior government officials, Anwar said he did not want any department or group to be left behind.

"I want the pension scheme to be looked into in a comprehensive manner."

"We want a comprehensive SSPA but I have also asked that it is done simultaneously with civil service reforms. This is an important point," he said.

He said the Public Service director-general would also engage stakeholders to obtain their views.

"We will listen and adjust, but reforms within the civil service will not entertain or recognise the small majority with very poor performance if we want to boost the country's image."

"We need to be more efficient and evaluate a person based on their performance. We cannot assume that the person should be given due recognition based on their age or years of service."

"While these measures may prove to be unpopular, it needs to be done if we want an efficient public service," he said.

Last week, the Prime Minister said he would announce improvement proposals, including efforts to increase the net income rate of civil servants at the Labour Day assembly on May 1.

Sinar 26/4 (DBKL)

DBKL sita 11 aktiviti perniagaan sekitar ibu kota

KUALA LUMPUR - Sebanyak 11 aktiviti perniagaan diambil tindakan sita dan pindah barangan perniagaan dalam serbuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sekitar Taman Sri Rampai, Jalan Wangsa Delima dan Taman Danau Kota di sini pada Rabu.

Operasi Tindakan Khas Pindah Halangan Tempat Awam bermula jam 9 malam itu dijalankan DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama Pejabat Cawangan Setiawangsa.

Menerusi operasi tindakan khas itu, DBKL memaklumkan, pihaknya membuat pemeriksaan di restoran dan gerai penjaja yang melakukan kesalahan meletakkan barangan perniagaan di tempat awam seperti laluan siar kaki, kaki lima premis, petak parkir dan atas jalan.

"Tindakan sita dan pindah peralatan perniagaan ini melibatkan lima buah premis restoran dan enam



Anggota penguat kuasa DBKL melakukan operasi sita dan pindah peralatan perniagaan di sekitar ibu kota.

gerai peniaga yang membuat halangan di tempat awam di bawah kesalahan Seksyen 46, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

"Kesemua peralatan melibatkan kerusi, meja plastik, gerai beroda, tong gas, rak besi, dapur dan lain-lain dipindah ke stor sitaan DBKL, Jalan Lombong,

Taman Miharja di sini untuk tindakan rekod dan dokumentasi," katanya dalam satu kenyataan di Facebooknya.

Dalam pada itu, DBKL memaklumkan pihaknya akan meneruskan operasi seperti itu secara berkala di setiap 11 Parlimen sekitar ibu kota.

SINAR HARIAN
12 6 APR 2024

Tarikh:

Rumah terbuka Selangor Sabtu ini

Orang ramai dijemput hadir, meriahkan sambutan

Oleh NURATIKAH ATHILYA HASSAN
SHAH ALAM

Sinar 24

Orang ramai dijemput hadir ke Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Selangor bertemakan 'Riuh Raya #KitaSelangor' pada Sabtu, 27 April ini bermula 8 malam di Bandar Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan), Datuk Mohd Yazid Sairi berkata, majlis tersebut akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti, juadah menarik serta persembahan daripada penyanyi terkenal tanah air seperti Ella, Sarah Suhairi, Aiman Tino serta Naim Daniel.

"Kita sediakan 48 gerai makanan dan dibahagikan kepada beberapa seksyen bagi mengelakkan daripada berlaku kesesakan teruk ketika mengambil juadah. Kita akan cuba yang terbaik untuk rakyat Selangor."

"Majlis dijangka menerima kunjungan istimewa daripada Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah. Pengunjung juga berpeluang untuk beramah mesra bersama Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dan ramai lagi," katanya ketika ditemui di Pejabat Setiausaha Kerajaan di sini, pada Rabu.

Tambah beliau, tetamu kehormat lain yang hadir adalah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Kepimpinan Tertinggi Pentadbiran Awam Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Bandar, Ahli-Ahli Dewan Negeri Undangan Selangor (ADUN), Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, Pengerusi Majlis Perwakilan Komuniti Kampung (MPKK) dan anak syarikat serta badan berkanun negeri.

Dalam pada itu, Mohd Yazid memaklumkan beberapa pameran secara bergerak berkaitan inisiatif kerajaan negeri turut dibuka bagi menerangkan inisiatif yang disediakan khusus untuk rakyat Selangor.

"Sebagai penambah seri dan keceriaan majlis, kita juga akan mengadakan

penyerahan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir pada majlis dan dijangka tamat antara 10.30 hingga 11 malam dengan acara pertunjukan bunga api.

"Kemudahan lain seperti surau dan tandas juga disediakan kepada pengunjung yang hadir. Begitu juga dengan parkir kenderaan," ujarnya selain memaklumkan pihaknya turut menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik dan buggy ke lokasi utama rumah terbuka.

Tambahnya, orang ramai boleh melayari media sosial Pejabat

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK) di <http://www.selangor.gov.my/> untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung program dan jadual trafik.

"Diharapkan dengan pengantjaran rumah terbuka 'Riuh Raya #KitaSelangor' ini dapat merapatkan

hubungan pemimpin dan rakyat, mengeratkan lagi perpaduan masyarakat pelbagai etnik khususnya di Selangor," ujarnya yang menasihatkan orang ramai supaya datang awal serta mematuhi peraturan ditetapkan bagi kelancaran majlis.



MOHD YAZID



Rumah Terbuka Aidilfitri

Peringkat Negeri Selangor

Riuh Raya #KitaSelangor 2024

Sabtu | 27 April 2024

8.00 malam - 11.00 malam

Bandar Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor

Marilah Bersama-sama Memeriahkannya!

Amirudin Shari

amirudin.shari

amirudinshari

@AmirudinShari

amirudinshari.com

www.selangor.gov.my

Imbas QR untuk maklumat lanjut

MALAYSIA MADANI

Catat 132.2 mata indeks
pada Mac 2024

KUALA LUMPUR

Inflasi Malaysia kekal 1.8 peratus pada Mac 2024 dengan mata indeks mencatatkan 132.2 berbanding 129.9 pada bulan sama tahun sebelumnya, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

DOSM menjelaskan peningkatan inflasi itu didorong oleh perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (3.0 peratus), restoran dan perkhidmatan penginapan (3.0 peratus), penjagaan diri, perlindungan sosial serta pelbagai barangan dan perkhidmatan (2.6 peratus) serta pengangkutan (1.3 peratus).

Namun, peningkatan ini telah diimbangi dengan kumpulan utama yang merekodkan peningkatan lebih perlahan iaitu kesihatan (2.1 peratus), makanan dan minuman (1.7 peratus) serta rekreasi, sukan dan kebudayaan (1.5 peratus)," jelasnya dalam kenyataan mengenai Indeks Harga Pengguna, Malaysia Mac 2024 di sini pada Khamis.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, peningkatan 3.0 peratus berbanding 2.7 peratus pada Februari 2024 bagi perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain disumbangkan oleh kelas perbelanjaan bekalan air yang meningkat kepada 31.4 peratus pada Mac 2024 (Februari 2024: 28.8 peratus).

EKONOMI



Inflasi kekal 1.8 peratus

Menurutnya, Kedah telah menaikkan kadar tarif perkhidmatan bekalan air bagi kategori pengguna domestik bermula Mac lalu, berbanding negeri lain yang telah melaksanakan kadar tarif baharu pada Februari.

Tambah beliau, bagi inflasi di peringkat negeri, kebanyakannya merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 1.8 peratus.

Namun, lima negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (3.0 peratus),

Sarawak (2.9 peratus), Pahang (2.1 peratus), Selangor (2.1 peratus) dan Perlis (1.9 peratus)," katanya.

Jelas Mohd Uzir, kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi makanan dan minuman, dengan peningkatan tertinggi dicatatkan Selangor (3.2 peratus), diikuti Pulau Pinang (2.8 peratus), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.6 peratus), Sarawak (2.1 peratus), Perlis (2.1 peratus) dan Wilayah Persekutuan Labuan (2.0 peratus). - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 126 APR 2024

Akaun Fleksibel kuat kuasa 11 Mei

KWSP perkenal
Akaun Fleksibel,
boleh keluar wang
bila-bila masa

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memperkenalkan akaun ketiga dikenali sebagai Akaun Fleksibel yang membolehkan kira-kira 16 juta ahli mereka mengeluarkan simpanan pada bila-bila masa untuk sebarang tujuan dengan amaun minimum pengeluaran sebanyak RM50.

Menurut kenyataan KWSP, pada tarikh kuat kuasa struktur

akaun baharu iaitu 11 Mei 2024, Akaun Fleksibel ahli akan bermula dengan baki sifar.

"Bagaimanapun, ahli diberikan pilihan untuk memindahkan sebahagian daripada baki simpanan yang ada dalam Akaun Sejahtera (Akaun 2) sebagai amaun permulaan dalam Akaun Fleksibel.

"Tempoh bagi ahli KWSP yang ingin membuat pindahan tersebut bermula pada 11 Mei 2024 sehingga 31 Ogos 2024," katanya pada Khamis.

Sekiranya ahli tidak membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan, maka tiada sebarang pindahan akan dibuat dan baki sedia ada akan kekal dalam Akaun Sejahtera, ujar KWSP.

Bagi ahli yang memilih me-



KWSP memperkenalkan akaun ketiga bermula 11 Mei.



nyertai kemudahan Akaun Fleksibel, peruntukan ke dalam akaun baharu adalah berdasarkan kepada pecahan masing-masing 75 peratus untuk Akaun Persaraan, 15 peratus ke dalam Akaun Sejahtera dan 10 peratus

bagi Akaun Fleksibel.

Sebelum ini, caruman ahli KWSP dimasukkan ke dalam Akaun 1 dan Akaun 2 iaitu masing-masing 70 peratus ke Akaun 1 dan baki 30 peratus dalam Akaun 2.

Tambah kenyataan itu, tujuan

diberikan pilihan pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel adalah bagi membolehkan ahli membuat pengeluaran daripada akaun itu tanpa perlu menunggu caruman baharu.

Bagaimanapun, katanya, ahli boleh membuat pilihan untuk pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel sebanyak satu kali sahaja dan selepas itu pilihan ini tidak boleh dibatalkan.

Ujarnya, amaun yang akan dipindahkan adalah berdasarkan dua kategori baki Akaun Sejahtera ahli semasa pilihan ini dibuat iaitu ahli yang mempunyai simpanan sebanyak RM3,000 dan ke atas dalam Akaun Sejahtera, dan ahli dengan baki akaun kurang RM3,000.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Soalan Lazim di www.kwsp.gov.my atau aplikasi KWSP i-Akaun.

SINAR HARIAN
Tarikh: 26 APR 2024

Pengeluaran tahun pertama dianggar cecah RM25 bilion

KUALA LUMPUR- Akaun 3 KWSP yang menjadi tumpuan ramai, dikenali sebagai Akaun Fleksibel, merupakan pilihan bagi sejumlah 16.07 juta ahli, kata Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Ahmad Zulqarnain Onn.

Beliau berkata, akaun itu menyediakan akaun fleksibiliti untuk keperluan kewangan jangka pendek ahli dana persaraan itu dan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.

Menurutnya, sekiranya semua ahli KWSP memilih kemudahan Akaun Fleksibel, jumlah dana yang akan dipindahkan ke dalam Akaun Fleksibel mencecah RM57 bilion dengan jumlah pengeluaran tahun pertama dianggarkan RM25 bilion.

Selain itu, Ahmad Zulqarnain turut memberi jaminan bahawa kemudahan akaun baharu itu ti-



AHMAD ZULQARNAIN

dak akan memberi impak terhadap portfolio pelaburan dana persaraan berkenaan.

Bagi tujuan perbandingan, jumlah pengeluaran ketika pandemik sebelum ini yang mencecah RM145 bilion.

"Senario semasa (bagaimanapun) adalah berbeza dengan ketika pandemik dan portfolio kami juga kini jauh lebih besar," katanya dipetik Bernama.

Melangkah ke hadapan, pengeluaran daripada Akaun Fleksibel dianggarkan berjumlah RM4 bilion hingga RM5 bilion setahun, kata Ahmad Zulqarnain.

Jelasnya, dividen kekal sama bagi ketiga-tiga akaun berkenaan, namun akan berubah pada masa-masa akan datang sebagai aset cair yang tidak mengundangi kadar faedah atau dividen lebih tinggi.

PENSTRUKTURAN SEMULA AKAUN KWSP

BERKUAT KUASA
11 MEI 2024

Akaun 1 dan Akaun 2 sekarang distruktur menjadi tiga akaun iaitu **Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel.**

PECAHAN CARUMAN

- 75% Akaun Persaraan
- 15% Akaun Sejahtera
- **10% Akaun Fleksibel**

Sebelum ini

- 70% Akaun 1
- 30% Akaun 2

Pindah baki Akaun 2 ke Akaun Fleksibel

Boleh dibuat dari **11 Mei hingga 31 Ogos 2024**

Pengeluaran daripada **Akaun Fleksibel boleh** pada bila-bila masa, minimum pengeluaran **RM50**

KATEGORI PINDAHAN BAKI

- Baki Akaun 2 RM3,000 dan ke atas**
 - 10/30 dipindahkan ke **Akaun Fleksibel (Akaun 3)**
 - 15/30 kekal dalam Akaun Sejahtera (Akaun 2)
 - 5/30 dipindah ke Akaun Persaraan (Akaun 1)

Contoh baki RM10,000

 - 10/30 ke **Akaun 3** = RM3,330
 - 15/30 kekal dalam **Akaun 2** = RM5,000
 - 5/30 ke **Akaun 1** = RM1,660
- Baki Akaun 2 kurang dari RM3,000**
 - Jika baki **Akaun 2** RM1,000 dan ke bawah, semua akan dipindahkan ke **Akaun 3**.
 - Jika baki **RM1,001-RM2,999**, RM1,000 dipindah ke **Akaun 3**, selebihnya kekal dalam **Akaun 2**.

Contoh baki RM2,500

 - RM1,000 ke **Akaun 3**
 - RM1,500 kekal dalam **Akaun 2**

Permohonan pindah baki atau pengeluaran boleh dibuat melalui aplikasi KWSP-Akaun atau Self-Service Terminal.

SINAR HARIAN
126 APR 2024
Tarikh:

Kerajaan akan umum butiran mekanisme rasionalisasi subsidi

KUALA LUMPUR
- Kerajaan akan memaklumkan butiran mengenai pelan rasionalisasi subsidi termasuk kriteria dan implikasinya tidak lama lagi, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.



RAFIZI

Beliau menegaskan jika dasar rasionalisasi subsidi kerajaan berjaya, penjimatan itu boleh dialihkan kepada bantuan sosial yang berpotensi meningkatkan pengurangan kemiskinan di samping menjana penjimatan fiskal.

"Saya tahu ramai yang bertanya mengenai masa untuk kita memperkenalkan mekanisme itu, bagaimanapun, mengutamakan penyelarasan dan persediaan untuk langkah itu adalah perlu bagi sesuatu yang sebesar ini," katanya ketika berucap semasa pelancaran Malaysia Economic Monitor ke-29 oleh Bank Dunia bertajuk *Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills* di sini, pada Khamis.

Beliau berkata, 11.6 juta individu atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas telah mendaftar dengan hab Pangkalan Data Utama (PADU).

"Ini memberikan kapasiti yang mencukupi untuk akhirnya melaksanakan rasionalisasi subsidi dan peralihan daripada model regresif sub-

sidi menyeluruh.

"Pada tahap yang diperlukan ini, data berbutir, kita boleh meminimumkan kesilapan pengecualian dan rangkuman, dan memastikan pengagihan subsidi yang saksama kepada mereka yang paling memerlukannya," katanya.

Sementara itu, laporan Malaysia Economic Monitor oleh Bank Dunia menekankan prospek pertumbuhan jangka panjang Malaysia, yang sangat bergantung pada pengukuhan modal insan dengan meningkatkan hasil pembelajaran untuk kanak-kanak.

Laporan itu membuat empat syor untuk meningkatkan hasil pembelajaran termasuk memastikan semua kanak-kanak mendapat manfaat daripada pendidikan prasekolah yang berkualiti tinggi dan berada di sekolah rendah dalam keadaan bersedia untuk belajar, selain meningkatkan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak dan kualitinya untuk isi rumah berpendapatan rendah.

"Malaysia juga mesti mengukur dengan teliti hasil pembelajaran pelajar dan menanda aras kepada piawaian antarabangsa selain perlu mengukur prestasi guru secara menyeluruh," menurut laporan itu. - Bernama

SINAR HARIAN

126 APR 2024

Tarikh:

'Hanya keluarkan jika terdesak'

Ahli anggap Akaun
Fleksibel berita
baik, beri manfaat
kepada golongan
memerlukan



MUHAMMAD
AMIRUL HELMY



HAJAR UMIRA
SYUAADAH



MUHAMAD AMEER

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM

Pengumuman berhubung pelaksanaan Akaun 3 atau Akaun Fleksibel Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bermula 11 Mei ini memberi berita gembira kepada rakyat sekali gus membantu mereka mendepani kenaikan harga barang dan kos sara hidup di negara ini. Rata-rata ahli teruja dengan pelaksanaan inisiatif tersebut yang dapat memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan.

Eksekutif Kanan Komunikasi Korporat, Muhammad Amirul Helmy Yahya, 30, berkata, Akaun Fleksibel KWSP itu boleh dijadikan sebagai pilihan terakhir untuk menggunakan wang jika berlaku kecemasan.

"Saya sangat teruja dengan keputusan KWSP memperkenalkan Akaun Fleksibel kerana ia amat diperlukan oleh pencarum

untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar.

"Bagi saya, akaun itu boleh dianggap sebagai pilihan terakhir.

Jika terdesak barulah saya akan gunakan untuk sesuatu tujuan.

"Jadi, saya anggap ini keputusan yang tepat daripada KWSP untuk membantu kewangan pencarum," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Khamis, KWSP memperkenalkan Akaun Fleksibel yang membolehkan ahli mereka mengeluarkan simpanan pada bila-bila masa untuk sebarang tujuan, tertakluk kepada amaun minimum pengeluaran sebanyak RM50.

Sementara itu, pekerja swasta, Hajjar Umira Syuaadah Md Zaki, 27, berkata, inisiatif itu wajar diuruskan secara berhemah dan tidak boleh digunakan secara sesuka hati.

"Segelintir orang mungkin

merasakan ia tidak bagus sebab ini dikira macam simpanan masa tua.

"Tetapi bagi saya ia dapat membantu orang yang kurang berkemampuan sebab mereka boleh gunakan duit dari akaun ini untuk masa terdesak atau hendak beli barang keperluan," ujarnya.

Pegawai Kanan Komunikasi, Muhamad Ameer Asyraff, 30, pula berkata, langkah memperkenalkan akaun tersebut merupakan keputusan tepat kerana ia dapat mengurangkan beban rakyat yang terkesan dengan situasi ekonomi masa kini.

"Sudah tentu saya teruja dengan pengumuman KWSP. Tambahan pula, ada peningkatan simpanan asas dalam Akaun 1 dari 70 peratus kepada 75 peratus.

"Ini merupakan langkah strategik KWSP dalam mendengar keluhan pencarum yang rata-rata mengalami kesulitan akibat kenaikan harga barang," menurutnya.



SINAR HARIAN
Tarikh: 26 APR 2024

Finan
26/4

Tak patut guna duit KWSP untuk bercuti, beli barangan mewah

KUALA LUMPUR - Ahli KWSP diingatkan supaya hanya mengeluarkan wang dari Akaun Fleksibel untuk pelaburan jangka masa panjang yang penting seperti pendidikan, kediaman atau kecemasan perubatan.

Pensyarah Kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Arshad Ayub Graduate Business School, Profesor Tan Peck Leong berkata, Malaysia sedang beralih kepada negara yang menua dan jangka hayat semakin meningkat susulan kemajuan yang dicapai dalam penjagaan kesihatan.

"Penting untuk menyedari bahawa sebarang tindakan hari ini akan memberi kesan mendalam kepada jaminan kewangan pada masa depan dan pesara akan memerlukan sumber kewangan yang banyak untuk menampung keperluan diri mereka.



PECK LEONG

"Perbelanjaan tidak penting seperti barangan mewah atau percutian tidak sepatutnya dibiayai melalui pengeluaran KWSP," katanya dipetik *Bernama*.

Peck Leong berkata, pada dasarnya KWSP juga harus dianggap sebagai mekanisme simpanan wajib jangka panjang.

"Memandangkan peningkatan kos sara hidup dan inflasi, mengekalkan dana persaraan yang kukuh adalah penting untuk kestabilan kewangan masa hadapan.

"Oleh itu, perancangan kewangan yang berhemat menetapkan bahawa pengeluaran KWSP sepatutnya disimpan untuk keperluan sebenar, memastikan masa depan kewangan yang terjamin untuk semua rakyat," katanya.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam

Abdul Rashid berkata, ahli KWSP juga berkemungkinan tidak mendapat manfaat daripada impak tambahan pelaburan utama dalam simpanan jika mereka memilih menyertai Akaun Fleksibel dan mengeluarkan caruman berkaitan.

"Oleh itu, ahli perlu bertindak melakukan usaha wajar di peringkat masing-masing sebelum memutuskan untuk membuat pengeluaran caruman.

"Mereka sebaliknya perlu memanfaatkan peluang ini untuk mengambil tindakan membetulkan keadaan apabila berdepan isu seperti hutang yang tinggi.

"Saya percaya Akaun Fleksibel ini boleh membantu dari segi memulihkan kedudukan kewangan masing-masing.

"Walaupun langkah ini akan membolehkan ahli mempunyai pendapatan boleh guna lebih tinggi, ia memerlukan ahli untuk lebih berdisiplin," katanya.

SINAR HARIAN
12 APR 2024

Tarikh:

Pencarum KWSP boleh keluar wang dalam Akaun 3 ikut keperluan bila-bila masa

KOSMO
26/4

Akaun Fleksibel berkuat kuasa 11 Mei

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Semua akaun ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di bawah umur 55 tahun akan distruktur semula kepada tiga akaun iaitu Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel berkuat kuasa 11 Mei 2024.

KWSP dalam kenyataan berkata, Akaun Persaraan untuk mengumpul simpanan sebagai pendapatan semasa persaraan, manakala Akaun Sejahtera untuk menangani keperluan kitaran hayat yang menyumbang kepada kesejahteraan semasa persaraan.

"Akaun Fleksibel sebagai akaun baharu untuk menyediakan fleksibiliti untuk keperluan kewangan jangka pendek. Simpanan dalam Akaun Fleksibel itu boleh dikeluarkan pencarum pada bila-bila masa mengikut keperluan ahli.

"Baki dalam Akaun 1 dan Akaun 2 masing-masing akan kekal dalam Akaun Persaraan dan Akaun Sejahtera, manakala Akaun Fleksibel akan bermula dengan baki sifar.

"Semua caruman selepas 11 Mei 2024 akan diperuntukkan ke dalam akaun baharu mengikut pecahan berikut iaitu 75 peratus ke dalam Akaun Persaraan, 15 peratus ke dalam Akaun Sejahtera dan 10 peratus ke dalam Akaun Fleksibel," kata kenyataan itu semalam.

Menurut KWSP, antara 11 Mei 2024 dan 31 Ogos 2024, ahli diberi pilihan sekali saja untuk memindahkan sebahagian daripada baki simpanan dalam Akaun Se-



PENSTRUKTURAN semula akaun KWSP membantu pencarum membuat keputusan bagi mengimbangi keperluan persaraan, kewangan jangka pendek, sederhana dan panjang. – GAMBAR HIASAN

jahtera sebagai amaun permulaan ke dalam Akaun Fleksibel.

Kata KWSP, sekiranya ahli tidak membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan, maka tiada sebarang pindahan akan dibuat dan baki sedia ada akan kekal dalam Akaun Sejahtera.

Jelas KWSP, Akaun Fleksibel akan bermula dengan caruman baharu yang akan dikreditkan ke dalam akaun ahli selepas tarikh pelaksanaan.

Tambah KWSP, sekiranya ahli

membuat pilihan mempunyai amaun permulaan, pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel dan akaun-akaun yang lain (jika berkenaan) berdasarkan jumlah baki yang terdapat dalam Akaun Sejahtera pada tarikh permohonan pilihan dibuat oleh ahli.

"Baki dalam Akaun Sejahtera RM3,000 dan ke atas, pindahan adalah 10 daripada 30 (10/30) daripada baki dalam Akaun Sejahtera akan dipindahkan ke Akaun Fleksibel; lima daripada

30 (5/30) daripada baki dalam Akaun Sejahtera akan dipindahkan ke Akaun Persaraan dan 15 daripada 30 (15/30) akan dikekalkan dalam Akaun Sejahtera.

"Bagi baki Akaun Sejahtera kurang daripada RM3,000, pindahan akan dibuat seperti berikut iaitu Akaun Sejahtera yang mempunyai baki RM1,000 dan ke bawah, semua amaun dipindahkan ke Akaun Fleksibel.

"Akaun Sejahtera yang mempunyai baki melebihi RM1,000

dan tidak melebihi RM3,000, amaun yang dipindahkan ke Akaun Fleksibel adalah RM1,000, manakala baki selebihnya adalah kekal dalam Akaun Sejahtera," jelas KWSP.

Ujar KWSP, perbezaan dalam kaedah pengagihan itu untuk membolehkan ahli yang mempunyai baki simpanan rendah untuk turut mempunyai jumlah permulaan yang bermakna dalam Akaun Fleksibel mereka.

"Ahli boleh membuat pilihan untuk pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel sebanyak satu kali saja bermula dari tarikh kuat kuasa sehingga 31 Ogos 2024, di mana selepas ini pilihan ini tidak boleh dibatalkan.

"Ahli yang ingin memanfaatkan pilihan itu boleh mengemukakan permohonan mereka melalui aplikasi KWSP i-Akaun atau 'Self-Service Terminal' yang terdapat di mana-mana cawangan KWSP di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, fokus utama inisiatif penstrukturan semula akaun KWSP untuk memperkasa ahli dalam membuat keputusan bagi mengimbangi keperluan masa depan untuk persaraan dengan keperluan kewangan jangka pendek, sederhana dan panjang.

Beliau berkata, inisiatif itu juga dapat membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli supaya mereka menerima pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan.

KOSMO
26 APR 2024
Tarikh:



OPERASI BRT laluan Sunway mengalami perubahan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pengangkutan larian Under Armour Dual.

(KOSMO 26/4)

Perubahan operasi BRT laluan Sunway Sabtu ini

PETALING JAYA — Perkhidmatan Bas Rapid Transit (BRT) laluan Sunway akan mengalami perubahan operasi bermula pukul 6 petang hingga tamat waktu operasi pada Sabtu ini.

Rapid Bus Sdn. Bhd. (Rapid Bus) berkata, perubahan itu bagi memberi laluan kepada kerja-kerja persediaan pengangkutan acara larian *Under Armour Dual*.

Acara tersebut bakal berlangsung di sepanjang trek BRT laluan Sunway yang akan bermula dari pukul 10 malam sehingga 3 pagi.

"Dari pukul 6 petang Sabtu ini, perkhidmatan BRT Laluan Sunway akan beroperasi di atas jalan raya secara percuma dengan kekerapan setiap 30 minit.

"Pengguna boleh mendapatkan perkhidmatan ini dengan

menunggu di bawah setiap stesen BRT Laluan Sunway kecuali di USJ 7 (hentian bas SJ692 LRT USJ 7 berhadapan KK Mart) dan South Quay (hentian bas SJ67 Mydin USJ).

"Stesen-stesen lain termasuk Mentari (hentian bas PJ179 Sunway Mentari (Barat) dan Sunway Setia Jaya (hentian bas) Setia Jaya (bertentangan stesen KTM Setia Jaya)," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, maklumat serta notis akan diletakkan di setiap stesen BRT bagi memaklumkan kepada pengguna tentang perubahan operasi serta memudahkan pengguna bagi merancang perjalanan dengan lebih awal.

Ujarnya, perkhidmatan BRT Laluan Sunway akan kembali beroperasi seperti biasa pada Ahad, bermula pukul 6 pagi.

KOSMO
26 APR 2024
Tarikh:



KWSP akan membuat Penstrukturan Semula Akaun bagi pencarum berusia 55 tahun ke bawah kepada tiga iaitu Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

INISIATIF TERBAHARU KWSP

Distruktur kepada 3 akaun mulai 11 Mei

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Mulai 11 Mei ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan membuat Penstrukturan Semula Akaun bagi pencarum berusia 55 tahun ke bawah kepada tiga iaitu Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel.

Akaun Persaraan untuk mengumpul simpanan sebagai pendapatan semasa persaraan.

Akaun Sejahtera adalah untuk menangani keperluan kitaran hayat yang menyumbang kepada kesejahteraan semasa persaraan.

Akaun Fleksibel pula sebagai akaun baharu untuk menyediakan fleksibiliti

kepada keperluan kewangan jangka pendek.

Baki dalam Akaun 1 dan Akaun 2 masing-masing akan kekal dalam Akaun Persaraan dan Akaun Sejahtera manakala Akaun Fleksibel akan bermula dengan baki sifar.

Semua caruman selepas 11 Mei 2024 akan diperuntukkan ke akaun baharu mengikut pecahan iaitu 75 peratus untuk Akaun Persaraan serta 15 peratus dan 10 peratus masing-masing dalam Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP Ahmad Zulqarnain Onn berkata, inisiatif itu bertujuan menambah baik

keselamatan pendapatan persaraan selain memenuhi keperluan kitaran hidup pencarum.

Kata beliau, fokus utama inisiatif Penstrukturan Semula Akaun KWSP ini untuk memperkasa pencarum dalam membuat keputusan bagi mengubah keperluan masa depan untuk persaraan dengan keperluan kewangan jangka pendek, sederhana dan panjang.

"Inisiatif ini juga dapat membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli supaya mereka menerima pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan

persaraan kelak," katanya pada kenyataan mengumumkan inisiatif terbaharu KWSP, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Zulqarnain berkata, inisiatif ini bukan sekadar tindak balas KWSP terhadap keperluan semasa, namun langkah proaktif untuk membantu ahli menghadapi perubahan landskap pekerjaan dan demografi penduduk serta keperluan kitaran hayat ahli KWSP.

"Dengan penambahbaikan ini, KWSP berusaha untuk memastikan setiap ahli KWSP dapat menguruskan kewangan mereka dengan yakin dan berdaya tahan dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar ini," katanya.

Beliau berkata, pencarum boleh mengakses sistem berkenaan sepenuhnya pada 12 Mei ini.

"Inisiatif ini juga dapat membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli supaya mereka menerima pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan kelak"

HARIAN METRO
Tarikh: 12 6 APR 2024

66.1% mahu manfaat Akaun Fleksibel untuk bayar hutang

Kuala Lumpur: Majoriti pengikut saluran aplikasi WhatsApp Harian Metro atau 4,200 pengguna (66.1 peratus) mahu memanfaatkan Akaun Fleksibel Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan membayar hutang.

Manakala 18.9 peratus atau 1,200 pengguna mahu ia dikekalkan dalam akaun.

Selain itu, 7.7 peratus atau 486 pengguna ingin memanfaatkannya dengan perbelanjaan harian.

Dalam pada itu, 5.3 peratus (337 pengguna) mahu membelanjakannya bagi keperluan anak-anak dan 2.0 peratus atau 128 pengguna lagi bagi membeli gajet.

Peratusan itu diperoleh hasil tinjauan pendapat dibuka semalam, yang disertai lebih 6,351 responden.

Terdahulu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada kenyataan memberi pilihan kepada pencarum untuk memindahkan sebahagian daripada baki simpanan dalam Akaun Sejahtera mereka (sebelum ini Akaun 2) sebagai amalan permulaan dalam Akaun Fleksibel sekali saja.

Meninjau di ruangan komen Facebook Harian Metro, kebanyakan pengguna memberikan reaksi berbeza.

"Kenapa 10 peratus tidak diambil daripada Akaun 1. Terdapat sebahagian pencarum mempunyai kurang simpanan atau tiada simpanan dalam Akaun 2 untuk dipindahkan ke akaun Fleksibel (akaun baru). Mohon

» INFO

18.9 peratus atau 1,200 pengikut aplikasi WhatsApp Harian Metro mahu ia dikekalkan dalam akaun.

18.9 peratus atau 1,200 pengguna mahu ia dikekalkan dalam akaun.

7.7 peratus atau 486 pengguna ingin memanfaatkannya dengan perbelanjaan harian.

5.3 peratus (337 pengguna) mahu membelanjakannya bagi keperluan anak-anak dan 2.0 peratus atau 128 pengguna lagi bagi membeli gajet.

pihak KWSP pertimbang 10 peratus dipindahkan dari Akaun 1 sekiranya Akaun 2 tidak mencukupi," kata pengguna, Aisaluddin Abu Bakar.

"Dividen tahunan tu bawarlah balik ke akaun bank pencarum, bukannya masuk balik akaun KWSP. Dengan itu, dapat la juga pencarum merasa dividen tahunan. Tak perlu tunggu umur 50 tahun atau 55 tahun baru nak merasa hasil simpanan.

"KWSP pun tk rugi apa, sebab caruman pencarum tak akan susut kerana caruman tetap dibuat setiap bulan atau tahun oleh pencarum. KWSP masih ada dana utk buat pelaburan dan jana keuntungan. Dividen tu biasanya keuntungan lebihan saja. 'Win-win situation'. Harap adalah orang yang sokong cadangan ini," kata pengguna, Naz Jazli.

'Tak guna jadi rakyat Malaysia jika tak fasih cakap Melayu'

Kuala Lumpur: Sebanyak 98 peratus atau 7,300 pengikut saluran aplikasi WhatsApp Harian Metro menyokong keperluan warganegara Malaysia bertutur dalam bahasa kebangsaan ketika berurusan di jabatan kerajaan.

Hanya dua peratus atau 158 responden saja tidak bersetuju keperluan fasih berbahasa Melayu untuk berurusan di jabatan kerajaan.

Peratusan itu diperoleh

hasil undian dibuka kelmarin, yang disertai 7,458 responden.

Usahawan syarikat percetakan pakaian, Mohd Subri Safar, 39, menyokong penggunaan bahasa kebangsaan ketika berurusan di jabatan kerajaan kerana menyifatkan bahasa adalah jiwa bangsa.

"Apa gunanya jadi rakyat negara ini jika tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu sedangkan ia ba-

hasa pengantar digunakan sejak dulu lagi.

"Bagi saya, memang menjadi keperluan fasih dan pandai bertutur bahasa kebangsaan kerana sejak di bangku sekolah lagi sudah dite-rapkan kepe-n-ingannya," kata-

nya.
Perunding takaful, Nur Athira Syezlin Ramli, 32, turut menyokong dan

melihat kewajaran warga-negara Malaysia fasih ber-bahasa Melayu dan menjadikannya

sebagai me-dium komu-nikasi di ja-batan keraja-an.

"Seperti di Indonesia, semua kaum fasih dan guna-kan bahasa Indo-nesia sebagai bahasa uta-ma.

"Sama juga dengan rakyat di negara lain, jadi ia perlu menjadi ikutan kita kerana kita perlu ber-bangga bertutur dalam bahasa kebangsaan," ka-tanya.

Sementara itu, pengusa-ha perkhidmatan pemasa-ngan rumput tiruan, Anan Mohamad Adli Adanan, 40, berkata, rakyat Malaysia bukan hanya perlu meng-hormati malah fasih atau sekurang-kurangnya ada usaha bertutur dalam Ba-

hasa Melayu tanpa dipaksa atau terpaksa, termasuk ketika berurusan di jaba-tan kerajaan.

"Kalau kita tengok rakyat negara maju seperti Jepun, Korea dan Eropah, mereka mengutamakan bahasa sendiri berbanding bahasa luar.

"Jadi, perkara yang baik itu kita perlu ikut dan lihat saja Jepun yang jauh lebih maju walaupun menggu-nakan Bahasa Kebangsa-annya," katanya.

**"Kita perlu
berbangga
bertutur dalam
Bahasa
Kebangsaan"**
Nur Athira

HARIAN METRO
Tarikh: 12 APR 2024

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Petugas barisan hadapan di agensi kerajaan perlu dilatih dengan kemahiran menggunakan bahasa badan, perkataan mudah difahami dan kesabaran untuk berkomunikasi dengan golongan yang tidak fasih berbahasa Melayu.

Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya (UM) Prof Madya Dr Surinderpal Kaur Chanan Singh berkata, kemahiran itu penting dalam memastikan urusan antara dua pihak iaitu kakitangan kerajaan dan orang awam berjalan lancar dan tidak terganggu.

"Pertuturan dan pemahaman bahasa Melayu memang penting kerana ia adalah bahasa rasmi negara dan satu daripada aspek penting dalam menyokong identiti kebangsaan kita sebagai warga-negara.

"Tetapi, sebagai kakitangan kerajaan, ada banyak elemen lain juga perlu dilihat dan fahami bahawa bidang tugas mereka bukan sebagai penjaga pintu kepada perkhidmatan awam yang sememangnya terbuka kepada semua warga-negara ini.

"Jadi, kakitangan kerajaan, khususnya yang menjadi petugas barisan hadapan, perlu dilatih dengan pelbagai kemahiran selain pertuturan semata-mata bagi membolehkan mereka memberi perkhidmatan terbaik sekalipun ada masalah daripada segi bahasa," katanya dihubungi Harian Metro.

Menurut Dr Surinderpal Kaur, ada beberapa faktor yang mungkin menyebabkan seseorang tidak fasih bertutur dalam Bahasa Melayu walaupun sudah lama

Penjawat awam kena pandai *speaking* juga

Petugas barisan hadapan disaran kuasai pelbagai kemahiran termasuk aspek komunikasi untuk melicinkan urusan kerja



Kemeriahan Syawal diteruskan

PERDANA Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir pada Majlis Madani Muhibah Aidilfitri anjuran Kementerian Komunikasi dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Anjung Kementerian Komunikasi, Putrajaya, semalam.

tinggal di Malaysia, antaranya persekitaran dan latar belakang pendidikan.

"Jika individu itu berada dalam komuniti dan persekitaran yang tidak menggunakan bahasa Melayu, mereka mungkin tidak terdedah kepada bahasa itu dalam kehidupan seharian.

"Sama juga jika individu itu tidak mendapat pendidikan formal dalam bahasa Melayu atau menghadiri sekolah antarabangsa yang mana penekanan terhadap

bahasa Melayu mungkin tidak begitu mantap, maka kemahiran berbahasa Melayu mereka mungkin terhad.

"Faktor lain adalah status bahasa Inggeris sebagai bahasa yang memberi nilai komersial dan ekonomi

serta dilihat sebagai bahasa yang memberi lebih faedah daripada segi mencapai keja-

yaan dalam kerjaya serta status kewangan," katanya.

Dr Surinderpal Kaur berkata, belum terlambat dan masih ada ruang untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa

utama di negara ini.

Menurut Dr Surinderpal Kaur, ia boleh dilakukan menerusi usaha memperkukuhkan pengaja-



"Sebagai kakitangan kerajaan, ada banyak elemen lain perlu dilihat"
Surinderpal Kaur

ran dan pembelajaran bahasa Melayu di semua peringkat pendidikan serta menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu dalam semua aspek kehidupan harian.

"Antara saranan untuk meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan bahasa Melayu sebagai ideologi kebangsaan dan bahasa rasmi negara ialah dengan menggalakkan pembelajaran berterusan dalam bahasa Melayu, termasuk penggunaan sumber pembelajaran yang berunsur teknologi.

"Selain itu, pendekatan pengajaran aktiviti sosial dan kebudayaan yang mementingkan penggunaan bahasa Melayu juga boleh diambil," katanya.

Selain itu, beliau turut menyarankan pihak berkaitan untuk menyokong serta meningkatkan muatan kuantiti media Bahasa Melayu dalam budaya popular.

"Contoh, muzik, filem animasi, permainan video dan sukan. Ini kerana, budaya popular adalah satu daripada kaedah paling berkesan untuk meningkatkan kemahiran bahasa," katanya.

Pada masa sama, Surinderpal Kaur berkata kerajaan juga boleh memainkan peranan dengan memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang efektif di semua peringkat pendidikan.

"Caranya adalah dengan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam semua aspek kehidupan termasuk sektor perniagaan.

"Selain itu, kerajaan perlu menganjurkan kursus dan program pembelajaran bahasa Melayu asas secara percuma yang mudah diakses secara atas talian yang memberi tumpuan kepada komunikasi awam kepada penduduk tempatan dan orang asing," katanya.

Penstrukturan semula tiga akaun KWSP bermula 11 Mei

Fokus utama untuk perkasaa ahli bagi imbangi keperluan masa depan

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Mahanum Abdul Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semalam mengumumkan Penstrukturan Semula Akaunnya berkuat kuasa 11 Mei dengan memperkenalkan Akaun Fleksibel yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa mengikut keperluan ahli.

Penstrukturan Semula Akaun KWSP juga akan menyaksikan semua akaun ahli di bawah umur 55 tahun distruktur semula kepada tiga akaun iaitu Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel berbanding dua akaun ketika ini, iaitu Akaun 1 dan Akaun 2.

Akaun Persaraan adalah simpanan sebagai pendapatan semasa persaraan, Akaun Sejahtera untuk menangani keperluan kitaran hayat yang menyumbang kepada kesejahteraan semasa persaraan, manakala Akaun Fleksibel akan menyediakan fleksibiliti bagi keperluan kewangan jangka pendek.

Simpanan dalam Akaun Fleksibel itu boleh dikeluarkan pada bila-bila masa mengikut keperluan ahli.

Akaun Fleksibel juga menyediakan fleksibiliti untuk keperluan kewangan jangka pendek ahli KWSP tertakluk amaun minimum pengeluaran RM50.

Baki dalam Akaun 1 dan Akaun 2 (ketika ini) akan kekal

dalam Akaun Persaraan dan Akaun Sejahtera, manakala Akaun Fleksibel akan bermula dengan baki sifar.

Semua caruman ahli selepas 11 Mei 2024 akan dimasukkan ke dalam akaun baharu mengikut pecahan - 75 peratus (Akaun Persaraan), 15 peratus (Akaun Sejahtera) dan 10 peratus (Akaun Fleksibel).

(Ketika ini caruman dalam Akaun 1 adalah 70 peratus, manakala Akaun 2 adalah 30 peratus).

Tingkat simpanan ahli

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Ahmad Zulqarnain Onn, berkata fokus utama penstrukturan semula akaun itu adalah untuk memperkasaa ahli dalam membuat keputusan bagi mengimbangi keperluan masa depan untuk persaraan, di samping keperluan kewangan jangka pendek, sederhana dan panjang.

"Inisiatif ini juga membantu meningkatkan simpanan ahli



Ahmad Zulqarnain Onn

supaya mereka menerima pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan selepas bersara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Berdasarkan mekanisme penstrukturan semula Akaun KWSP itu, antara 11 Mei 2024 dan 31 Ogos 2024, ahli diberi pilihan sekali sahaja untuk memindahkan sebahagian baki simpanan dalam Akaun Sejahtera mereka (sebelumnya Akaun 2) sebagai amaun permulaan ke dalam Akaun Fleksibel.

Sekiranya ahli tidak membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan, maka tiada pindahan akan dibuat dan baki sedia ada akan kekal dalam Akaun Sejahtera.

Akaun Fleksibel akan bermula

Ahli mempunyai pilihan untuk memasukkan jumlah permulaan dalam Akaun Fleksibel atau membiarkan Akaun Fleksibel bermula dengan baki sifar



dengan caruman baharu yang akan dikreditkan ke dalam akaun ahli selepas tarikh pelaksanaan.

Sekiranya ahli membuat pilihan mempunyai amaun permulaan, pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel dan akaun yang lain (jika berkenaan) adalah berdasarkan jumlah baki yang terdapat dalam Akaun Sejahtera pada tarikh permohonan pilihan dibuat oleh ahli.

Kaedah pindahan bagi baki Akaun Sejahtera yang ada RM3,000 dan ke atas ialah 1/3 daripada baki dalam akaun itu dipindahkan ke Akaun Fleksibel; 1/6 baki dalam Akaun Sejahtera akan dipindahkan ke Akaun Persaraan, manakala 1/2 kekal dalam Akaun Sejahtera.

Bagi baki Akaun Sejahtera kurang RM3,000, pindahan akan dibuat seperti berikut, iaitu Akaun Sejahtera yang mempunyai baki RM1,000 dan ke bawah, semua

amaun akan dipindahkan ke Akaun Fleksibel.

Akaun Sejahtera yang ada lebih RM1,000 dan tidak melebihi RM3,000, amaun dipindahkan ke Akaun Fleksibel adalah RM1,000, manakala baki selebihnya kekal dalam Akaun Sejahtera.

Perbezaan dalam kaedah pengagihan itu adalah untuk membolehkan ahli mempunyai baki simpanan yang rendah untuk turut mempunyai jumlah permulaan yang bermakna dalam Akaun Fleksibel.

Kemuka permohonan

Ahli hanya boleh membuat pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel sekali kali sahaja bermula daripada tarikh kuat kuasa (11 Mei) sehingga 31 Ogos 2024.

Ahli yang ingin memanfaatkan pilihan itu boleh mengemukakan permohonan mereka melalui aplikasi KWSP i-Akaun atau

'Self-Service Terminal' di mana-mana cawangan KWSP.

Ahmad Zulqarnain berkata, inisiatif ini adalah langkah proaktif untuk membantu ahli menghadapi perubahan landscape pekerjaan dan demografi penduduk serta keperluan kitaran hayat ahli KWSP.

Bagi Akaun 55 dan Akaun Emas, KWSP menjelaskan ia kekal seperti sekarang, semua simpanan dalam Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel ahli yang sudah mencapai usia 55 tahun akan disatukan ke dalam Akaun 55.

Caruman baharu yang diterima ahli selepas 55 tahun akan dikreditkan dalam Akaun Emas.

Maklumat lanjut mengenai inisiatif Penstrukturan Semula Akaun KWSP ahli boleh mengunjungi cawangan KWSP di seluruh negara atau merujuk laman web rasmi di www.kwsp.gov.my atau menerusi KWSP i-Akaun.

Akaun Fleksibel tak jejas pelaburan, kecairan

Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menganggarkan pengeluaran daripada Akaun Fleksibel akan mencecah RM25 bilion pada tahun pertama, namun tidak akan memberi kesan kepada portfolio pelaburan dan kecairan pengurus dana persaraan negara itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya,

Ahmad Zulqarnain Onn, berkata senario semasa berlainan berbanding pengeluaran RM145 bilion oleh 8.1 juta ahlinya menerusi empat siri kemudahan pengeluaran ketika COVID-19.

"Anggaran kami mengenai Penstrukturan Semula Akaun KWSP ini ialah pengeluaran pada tahun pertama akan jauh lebih rendah daripada itu.

"Tetapi ia akan berada dalam lingkungan RM25 bilion (tahun pertama). Namun, pengeluaran pada tahun-tahun seterusnya dianggarkan antara RM4 bilion hingga RM5 bilion setahun.

"Susulan itu, dari segi impak, ia tidak memberi kesan pada pelaburan kerana portfolio (KWSP) kini juga lebih besar berbanding sebelum ini," kata

Ahmad Zulqarnain pada sesi taklimat bersama pengarang media di ibu pejabat KWSP di Kwasa Damansara, baru-baru ini.

Beliau berkata, jika semua ahli memilih menyertai Akaun Fleksibel, dianggarkan RM54 bilion masuk ke akaun itu, namun ia tidak mungkin berlaku dan berdasarkan kajian dan permode-

lan data terdahulu, pengeluaran diunjur hanya RM25 bilion pada tahun pertama dan RM4 hingga RM5 bilion tahun seterusnya.

Sementara itu, aset pelaburan KWSP mencatat pertumbuhan kukuh apabila mencecah RM1.14 trilion sehingga akhir tahun lalu, naik 13 peratus berbanding RM1.002 trilion pada 2022.

Caruman PERKESO bukti keprihatinan kerajaan

B4
24/4

Penggiat seni sambut baik inisiatif Kementerian Komunikasi

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Inisiatif Kementerian Komunikasi menerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) menaja seramai 4,500 penggiat seni dengan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) RM23.30 setahun bagi seorang dengan jumlah keseluruhan bernilai RM104,850 mendapat maklum balas positif daripada penggiat seni tanah air.

Rata-rata menyambut baik usaha dibuat dan memuji ketegasan kerajaan menjadikan caruman ke atas kru dan tenaga kreatif yang terbabit dalam kerja produksi menjadi prasyarat dalam permohonan Sijil Perakuan Penggambaran (SPP), berkuat kuasa serta-merta.

Penerbit dan pengarah tersohor, Datuk Yusof Haslam, melihat perkara itu sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap penggiat seni.

"Sebagai majikan, saya tak ada masalah mengenainya, apa-

tah lagi jika mampu memberi manfaat kepada industri dan menjaga kebajikan penggiat seni.

"Sebelum ini, saya ada menyediakan insurans berkelompok kepada tenaga kreatif yang terbabit dalam produksi Skop Productions demi menjaga kebajikan.

"Dengan menjadikan caruman sebagai prasyarat untuk dapatkan SPP, saya lihat kerajaan begitu serius untuk melaksanakan perkara yang sudah sekian lama diperjuangkan," katanya kepada HIP.

Bagi memastikan tidak timbul sebarang kekeliruan dan melancarkan pelaksanaannya, pengarah filem pecah panggung menerusi filem *Sembilu* dan *Sembilu 2* itu berharap akan ada sesi perbincangan antara agensi kerajaan dengan pemain industri.

"Sejujurnya, saya masih belum mendapat gambaran sebenar dan sedikit keliru mengenai caruman ini.

"Justeru, saya harap akan ada pertemuan dengan PERKESO untuk mendapatkan butiran terperinci mengenainya," ujarnya.

Nampak usaha kerajaan

Bagi pelakon Sharnaaz Ahmad, inisiatif dibuat kerajaan diharapkan menjadi satu peringatan kepada golongan produser supaya tidak culas dalam menjaga kebajikan pekerja.

"Sebelum ini, memang ada syarikat produksi yang menjaga kebajikan artis dengan menye-

diakan insurans.

"Saya juga pernah diberi sejumlah bayaran membiayai bil perubatan disebabkan kecederaan ketika menjalani penggambaran.

"Inisiatif seperti ini mungkin hanya dibuat oleh segelintir produksi sahaja. Justeru, bila kerajaan menetapkan caruman PERKESO sebagai syarat penggambaran, saya rasa itu satu permulaan yang baik," katanya.

Meskipun memuji usaha dilaksanakan kerajaan, namun pelakon filem *The Original Gangster* itu mengharapkan kerajaan akan melihat aspek kebajikan daripada perspektif yang lebih meluas.

Mengulas lanjut perkara itu, Sharnaaz menyarankan kerajaan dapat mengkaji semula kadar bayaran ditetapkan stesen televisyen (TV) kepada penerbit.

"Isu caruman PERKESO ini hanyalah 10 peratus masalah dalam industri kerana ada isu lain yang perlu diberi perhatian iaitu bayaran kepada pelakon dan kru.

"Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan isu bayaran RM500 untuk pelakon senior, Azlee Sennario.

"Dalam hal ini, saya tak boleh nak salahkan produksi kerana mereka juga mendapat bayaran rendah daripada stesen TV.

"Sebagai pelakon dan penerbit, saya sangat memahami situasi ini. Mungkin kerajaan boleh

mengkaji semula kadar bayaran yang diberikan kepada penerbit oleh stesen TV dengan melekatkan harga siling untuk sesebuah produk," katanya.

Cadangan Sharnaaz supaya kerajaan melihat kebajikan dalam kalangan penggiat seni dari aspek meluas turut mendapat sokongan pelakon senior, Faizal Hussein.

Faizal yang sering melakonkan aksi lagak ngeri sendiri meminta campur tangan kerajaan untuk melaksanakan pemberian royalti kepada golongan penggiat seni sebagai survival dalam bidang seni.

"Bila caruman PERKESO ini dikuatkuasakan, saya lihat itu salah satu jaminan kepada pelakon dan kru.

"Sepatutnya perkara ini sudah lama dilaksanakan. Apapun, ia adalah langkah cukup baik daripada kerajaan kerana mendengar dan ambil berat masalah penggiat seni.

"Harapan saya dapatlah mereka melihat satu lagi isu besar yang membelenggu kami iaitu isu royalti industri perfileman.

"Selama ini, hak harta intelek sesebuah karya lebih memihak kepada stesen penyiaran selepas mereka membelinya daripada penerbit.

"Pelakon hanya dibayar sekali sahaja ketika terima tawaran berlakon. Kalau filem atau drama ditayang beratus kali, tiada royalti kepada pelakon, pengarah dan penerbit," katanya.

Mekanisme rasionalisasi subsidi diumumkan beberapa minggu lagi

BH
24/4

Kerajaan akan beri penerangan khusus implikasi kepada setiap lapisan masyarakat

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kerajaan akan mengumumkan mekanisme dan kriteria membatik rasionalisasi subsidi dalam tempoh berapam minggu akan datang, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Justeru, katanya, kerajaan akan memberi penerangan khusus berhubung implikasi mengenai mekanisme dan kriteria yang akan diumumkan kepada setiap lapisan masyarakat.

"Jika kita dapat melaksanakan (rasionalisasi subsidi) anggaran Bank Dunia menunjukkan bahawa peralihan penjimatan subsidi ini kepada bantuan sosial boleh menggendakan pengurangan kadar kemiskinan dan dapat menjaga sumbangan kepada penjimatan fiskal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Laporan Pemantauan Ekonomi Malaysia (MEM)

2024 Bank Dunia bertajuk *Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills* di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Negara Bank Dunia bagi Malaysia, Dr Yasuhiko Matsuda.

Sebelum ini, firma penyelidikan mendedahkan bahawa impak positif program rasionalisasi subsidi dijangka dirasai tahun depan dengan kedudukan fiskal negara diunjurkan lebih kukuh, meskipun pelaksanaannya memberi kesan kepada penggunaan agregat.

Justeru, perkembangan berkenaan dijangka mengubah sentimen pelabur yang akan lebih berkeyakinan terhadap pasaran tempatan pada separuh kedua tahun ini.

BIMB Securities Research menjangkakan usaha pembaharuan yang dilaksanakan kerajaan pada 2024 akan membuahkan hasil tahun depan.

Ia berkata, dengan jangkaan prospek yang lebih cerah 2025 berikutan kejelasan yang lebih baik mengenai hala tuju dasar Amerika Syarikat (AS) dan kedudukan fiskal Malaysia yang jauh lebih mantap akan menjadi pemacu yang akan mengembirakan pelabur.

Katanya, defisit fiskal berkeungkinan berada dalam lingkungan kira-kira 3.0 peratus pada 2025 berikutan pelaksanaan inisiatif rasionalisasi subsidi.



Rafizi dan Matsuda pada pelancaran Laporan Pemantauan Ekonomi Malaysia (MEM) 2024 Bank Dunia di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin)

Malah jelasnya, gabungan pelbagai faktor juga akan memacu ringgit lebih tinggi, yang dijangka merapatkan jurang mata wang tempatan itu terhadap nilai saksamanya.

Pastikan agihan saksama

Sementara itu, Rafizi berkata, pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) memberi ruang mencukupi kepada kerajaan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi dan

peralihan daripada model regresif subsidi menyeluruh.

"Dengan tahap data yang diperlukan ini, kami boleh meminimumkan ralat dan memastikan pengagihan subsidi yang saksama kepada mereka yang paling memerlukan," katanya.

Beliau menjelaskan konsolidasi kedudukan fiskal akan membantu kerajaan meneroka pertumbuhan baharu.

"Itulah sebabnya kerajaan me-

lancarkan Pelan Tindakan KL20, satu siri pembaharuan holistik, yang akan meletakkan Kuala Lumpur sebagai syurga seterusnya untuk modal teroka (VC) dan pengasas syarikat pemula niaga," katanya.

Berhubung Dasar Gaji Progresif, Rafizi berkata kerajaan akan membuka pendaftaran projek perintis gaji progresif bulan depan, yang akan menjadi kajian kes untuk penggunaan yang lebih luas di seluruh negara.

"Kertas putih Dasar Gaji Progresif sudah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen November lalu. Bulan depan, kami akan membuka pendaftaran untuk projek perintis, sekali gus dapat membuka lembaran baharu dalam menyelesaikan kadar gaji yang tidak stabil di negara ini," katanya.

Mengenai perkembangan ekonomi, beliau menjelaskan, momentum positif China awal tahun ini menjadi petanda baik, namun Malaysia perlu kekal teguh untuk mengambil pandangan jangka panjang membabitkan ekonomi dan prospek pertumbuhan negara.

"Laporan membabitkan rakan dagang terbesar Malaysia itu mengimbangi jangkaan tidak lebih daripada dua pemotongan kadar faedah AS daripada enam sebelum ini, selepas inflasi negara berkenaan menokok 3.5 peratus pada Mac," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh... 126 APR 2024

Program HEART manfaat M40, B40

Peluang terima rawatan di Pusat Perubatan MSU

Oleh Tutty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Pelancaran program Healthcare Equity for Affordable and Rapid Treatment (HEART) bertujuan memperkasakan akses perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada M40 dan B40.

HEART adalah hasil Model Kerjasama Awam Swasta (PPP) antara Management and Science University (MSU), Pusat Perubatan MSU, Yayasan MSU dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata program HEART menyaksikan Pusat Perubatan MSU berperanan sebagai hospital kluster dan zon *buffer* kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Hospital Shah Alam dan Hospital Sultan Idris Shah, Serdang.

Katanya, Pusat Perubatan MSU akan menangani kes kesihatan tertentu yang memerlukan

pembedahan secara percuma termasuk *Inguinal Hernia Repair Procedure* dan *Laparoscopic Cholecystectomy*.

"Kerjasama strategik ini membolehkan M40 dan B40 bakal mendapat aspek penjagaan kesihatan berkualiti dan canggih khususnya bagi tempoh menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan dengan kos yang optimum," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Program HEART di Dewan Canselor MSU di sini, semalam.

Turut hadir, Pengasas Pusat Perubatan MSU dan Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid; Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dan Naib Canselor MSU, Profesor Datuk Dr Junainah Abd Hamid.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, perkhidmatan kesihatan lain yang turut disediakan menerusi program itu adalah penginapan wad kelas pertama serta perlindungan daripada kos pembedahan lain.

Katanya, pemilihan, penilaian dan tempoh susulan jangka panjang bagi pesakit untuk mengikuti program HEART akan dilaksanakan oleh KKM, manakala

aspek pembiayaan oleh Yayasan MSU dan KKM.

"Pelaksanaan program HEART secara langsung turut memberikan manfaat secara tidak langsung kepada KKM dalam mengutilisasikan penggunaan Dewan pembedahan hospital terabit kes kecemasan secara optimum.

"Selain itu, ia turut menjadi platform terbaik kepada pegawai perubatan KKM dalam aspek latihan dan penggunaan fasiliti perubatan moden dan terkini," katanya.

Beliau berkata, sejak Memorandum Perjanjian (MoA) antara Pusat Perubatan MSU dan KKM dimeterai secara rasmi pada 18 Mac lalu, pusat perubatan itu sudah mula menerima pesakit.

"Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada MSU dan Pusat Perubatan MSU kerana memulakan projek HEART ini, katanya.

Tingkat reputasi negara

Sementara itu, Dr Mohd Shukri, berkata kerjasama itu memenuhi perkongsian PPP sebagai komponen penting dalam meningkatkan sistem penjagaan kesihatan Malaysia, sekali gus meningkatkan reputasi negara sebagai hab



Dr Dzulkefly (kanan) diiringi Dr Mohd Shukri (dua dari kanan) melawat pameran selepas melancarkan Program HEART di Dewan Canselor MSU Shah Alam, semalam.
(Foto Faiz Anuar/BH)

untuk perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia.

Beliau berkata, menerusi program HEART, MSU dan Pusat Perubatan MSU bekerjasama dengan KKM dalam penubuhan Pusat Perubatan MSU *Public Wings* dalam menyediakan sokongan, sumber dan bantuan rawatan kepada pesakit daripada kategori B40 dan mereka yang kurang berkemampuan.

"Yayasan MSU pula memainkan peranan penting dalam projek ini untuk menyediakan da-

na dan bantuan kewangan sebagai refleksi komitmen MSU dan Pusat Perubatan MSU yang berterusan terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) sebagai penyedia perkhidmatan dan hospital universiti masa depan yang mapan untuk semua," katanya.

Beliau berkata, pada Februari lalu menerusi PPP, Pusat Perubatan MSU bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi membangunkan Pusat Rehabilitasi PERKESO Shah Alam.

Tenaga mahir jadikan Malaysia negara pendapatan tinggi

Prospek pertumbuhan jangka panjang Malaysia sangat bergantung kepada pengukuhan modal insan menerusi langkah meningkatkan hasil pembelajaran untuk kanak-kanak, demikian menurut Laporan Pemantauan Ekonomi Malaysia (MEM) 2024 Bank Dunia.

Laporan bertajuk *Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills*, mendedahkan pembelajaran kumulatif dan kemahiran asas yang kukuh akan memberikan Malaysia kemahiran yang diperlukan untuk mengekalkan pertumbuhan dan peralihan kepada status berpendapatan tinggi.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata memandangkan usaha untuk menarik pelaburan swasta dipertingkatkan, negara perlu memastikan tahap pekerja mahir tersedia.

"Bagaimanapun, tinjauan menunjukkan permintaan yang tidak dipenuhi untuk pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah seperti penyelesaian masalah, kepimpinan dan komunikasi serta kemahiran teknikal.

"Untuk memadankan daya saing negara lain seperti Singapura dan Korea Selatan atau terus mendahului pesaing yang semakin meningkat seperti Vietnam, pelaburan dalam pendidikan awal yang berkualiti dan memacu prestasi pendidik adalah penting.

"Cabaran Malaysia adalah untuk memastikan ekonomi berkembang di samping memastikan rakyat dapat menguruskan kenaikan kos sara hidup dan mendapatkan pekerjaan yang bergaji tinggi," katanya ketika melancarkan laporan itu di Kuala Lumpur, semalam.

Rafizi berkata, dalam tempoh jangka pendek, kerajaan akan menggunakan langkah seperti melaksanakan gaji minimum dan progresif bersama-sama dengan bantuan tunai untuk golongan sasaran.

"Dalam jangka panjang, kerajaan akan memberi tumpuan untuk mehadikan pendidikan sebagai pekerjaan yang produktif. Menyokong guru dan meningkatkan hasil pendidikan asas akan menjadi asas untuk mengurangkan ketidaksamaan pendapatan.

"Akses yang sama kepada pendidikan berkualiti memberi lebih ramai golongan muda peluang kepada kemajuan sosial dan ekonomi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Negara Bank Dunia bagi Brunei, Malaysia, Filipina dan Thailand, Ndiame Diopm, berkata Malaysia

memerlukan kemahiran yang lebih canggih untuk beralih menjadi negara berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, kemahiran lanjutan secara asasnya bergantung kepada kemahiran asas yang kukuh, yang dibangunkan melalui pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti tinggi.

"Malaysia memiliki sistem pendidikan yang baik, justeru langkah seterusnya ialah memastikan semua pelajar mempunyai kemahiran asas yang diperlukan untuk memperoleh kemahiran yang lebih maju. Malaysia mencapai pendidikan rendah hampir universal dengan kesaksamaan yang luar biasa dalam sumber dan pengalaman pelajar.

"Walaupun begitu, hampir satu perempat kanak-kanak, termasuk ramai daripada isi rumah

berpendapatan rendah, tidak mempunyai kemahiran kesediaan sekolah walaupun telah menghadiri pusat kanak-kanak awal, yang membawa kepada cabaran dalam membaca, menulis dan matematik sepanjang persekolahan mereka," katanya.

Menurut penilaian antarabangsa, menjelang usia 15 tahun, pelajar Malaysia ketinggalan berbanding negara utama lain dalam aspek membaca, matematik dan sains.

Bagi menangani cabaran itu, Diop berkata, Malaysia melaksanakan pelbagai program seperti Program Bantuan Membaca dan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah.

"Strategi guru yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 sejajar dengan amalan terbaik global," katanya.

BERITA HARIAN
126 APR 2024
Tarikh.....

Kadar inflasi terus terkawal pada 1.8 peratus bulan lalu

Kadar inflasi Malaysia kekal 1.8 peratus pada Mac 2024 dengan mata indeks mencatatkan 132.2 berbanding 129.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Kenaikan inflasi pada Mac 2024 didorong oleh perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (3.0 peratus), restoran dan perkhidmatan penginapan (3.0 peratus), penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan dan perkhidmatan (2.6 peratus) serta pengangkutan (1.3 peratus).

Namun begitu, peningkatan itu diimbangi dengan kumpulan utama yang merekodkan peningkatan lebih perlahan iaitu kesihatan (2.1 peratus), makanan

dan minuman (1.7 peratus) serta rekreasi, sukan dan kebudayaan (1.5 peratus).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan 3.0 peratus berbanding 2.7 peratus pada Februari 2024 bagi perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain disumbangkan oleh kelas perbelanjaan bekalan air yang meningkat kepada 31.4 peratus pada Mac 2024 berbanding 28.8 peratus pada Februari.

Beliau berkata, Kedah menaikkan kadar tarif perkhidmatan bekalan air bagi kategori pengguna domestik bermula Mac 2024 berbanding negeri lain yang melaksanakan kadar tarif baharu pada Februari 2024.

"Kumpulan makanan dan mi-

numan yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan peningkatan lebih rendah iaitu 1.7 peratus pada Mac 2024, berbanding 1.9 peratus pada Februari.

"Subkumpulan utama makanan di rumah meningkat 0.3 peratus pada bulan Mac 2024 dan Februari 2024 sebanyak 0.5 peratus. Sementara itu, subkumpulan utama makanan di luar rumah meningkat kepada 3.5 peratus, kadar yang sama direkodkan pada Februari 2024," katanya dalam satu kenyataan.

Inflasi kelas perbelanjaan

Beliau berkata, inflasi kelas perbelanjaan bijirin dan produk bijirin meningkat lebih rendah

kepada 2.0 peratus pada Mac 2024 berbanding 2.5 peratus pada Februari.

"Ini disumbangkan oleh beras basmati yang meningkat perlahan 0.4 peratus berbanding 1.0 peratus pada Februari 2024. Manakala, tepung beras meningkat kepada 9.6 peratus berbanding 8.8 peratus pada Februari.

"Inflasi kelas perbelanjaan susu, produk tenusu lain dan telur mencatatkan peningkatan perlahan 1.4 peratus pada bulan Mac 2024 berbanding 2.3 peratus pada Februari, di mana kenaikan yang lebih rendah telah dicatatkan oleh item perbelanjaan susu segar sebanyak 2.4 peratus.

"Sementara itu, inflasi bagi kelas perbelanjaan minyak dan lemak kekal pada jajaran negatif

iaitu -0.1 peratus pada Mac 2024, berbanding -0.2 peratus pada Februari 2024," katanya.

Mohd Uzir berkata, inflasi bagi kelas perbelanjaan daging meningkat perlahan kepada 0.2 peratus pada Mac 2024, manakala pada Februari 2024 sebanyak 0.5 peratus, di mana daging ayam segar yang menjadi komponen terbesar merangkumi 32.6 peratus dalam kelas perbelanjaan daging mencatatkan penurunan kepada -1.1 peratus, berbanding -0.7 peratus pada Februari.

Sementara itu, katanya, purata harga ayam standard di peringkat Malaysia pada Mac 2024 adalah RM10.28 sekilogram berbanding RM10.40 sekilogram pada Mac 2023 dan RM10.29 pada Februari lalu.

BERITA HARIAN
12 APR 2024
Tarikh.....

Malaysia sasar negara utama sedia ekosistem syarikat pemula global

● Dengan berlabuhnya tirai KL20, Malaysia mengambil langkah berani dengan menyasarkan untuk berada dalam kalangan 20 negara utama ekosistem syarikat pemula global menjelang 2030, sekali gus membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab digital serantau

● Melalui pengumuman dasar proaktif dan inisiatif sokongan, persidangan KL20 menandakan perubahan penting menuju kepada penerimaan sektor inovatif dan memupuk pertumbuhan bakat berkemahiran tinggi



Oleh Dr Ahmad Hakimi Tajuddin
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Ekonomi, Kewangan
dan Perbankan,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Inovasi menjadi pendorong utama dalam mencipta peluang baharu untuk menghasilkan nilai sosioekonomi lebih tinggi bagi masyarakat dan negara. Dengan memanfaatkan teknologi terkini, syarikat pemula bertindak sebagai peneraju dalam pelbagai inovasi bertaraf dunia.

Syarikat berasaskan teknologi atau inovasi yang berada di peringkat awal dengan model perniagaan boleh diskalakan dan strategi pertumbuhan pantas adalah ciri-ciri syarikat pemula.

Syarikat pemula sering menjadi perintis produk dan menawarkan penyelesaian revolusi dalam membentuk semula industri dalam proses berkenaan.

Kebiasaannya, syarikat pemula akan diterajui pengasas dengan visi untuk menggoncang status quo dan mencipta model perniagaan boleh diskalakan yang dapat menyesuaikan diri dengan dinamik pasaran berubah, manakala modal diperoleh melalui pendanaan sendiri atau dengan sokongan pelabur budiman.

Kini, syarikat pemula diiktiraf sebagai ejen penjana ekonomi mampu membawa manfaat lebih meluas kepada masyarakat terutama dalam penawaran peluang pekerjaan.

Pada masa ini, kerajaan melalui pelbagai agensinya menawarkan bantuan kewangan secara langsung kepada usahawan tempatan termasuk Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), Pengurusan Modal Ventura Malaysia (MAVCA), Kumpulan Modal Perdana (KMP) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Sokongan kerajaan ini melaksanakan peranan penting dalam menyediakan usahawan dengan sumber kewangan diperlukan untuk memulakan dan membesarkan perniagaan mereka di samping

menyumbang kepada pertumbuhan serta kelestarian keseluruhan ekosistem usahawan.

Sidang Kemuncak KL20 2024 (KL20), baru-baru ini muncul sebagai tempat pertemuan idea, menghimpunkan pembuat keputusan kerajaan, syarikat unicorn yang mempunyai kadar pertumbuhan perniagaan tinggi dengan nilai keuntungan melebihi AS\$1 bilion (RM4.78 bilion), pemodal besar dan peneroka industri dari seluruh dunia.

Dengan berlabuhnya tirai KL20, Malaysia mengambil langkah berani dengan menyasarkan untuk berada dalam kalangan 20 negara utama ekosistem syarikat pemula global menjelang 2030, sekali gus membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab digital serantau.

Tangani cabaran penting

Acara dianjurkan Kementerian Ekonomi itu bertujuan menangani cabaran penting menghalang pertumbuhan syarikat pemula di negara ini sambil menetapkan landasan untuk memupuk ekosistem keusahawanan bertenaga.

Ekosistem kita masih belum mencapai tahap keutuhan dan keterangkuman diinginkan walaupun masih mendahului di peringkat serantau. Melalui KL20 ini, Malaysia mengakui keperluan mengatasi halangan seperti aktiviti pendanaan, dasar dan peraturan serta pemerolehan bakat atau pekerja mahir dalam memastikan dapat bersaing dalam ekosistem syarikat pemula global.

Terbatasnya akses kepada pembiayaan dan pendanaan bagi syarikat pemula menjadi halangan utama untuk pertumbuhan syarikat pemula. Syarikat pemula sering menghadapi kesulitan mendapatkan pembiayaan mencukupi, terutama pada peringkat awal pembangunan.

Kekurangan akses ini boleh membatasi keupayaan syarikat pemula untuk memulakan perniagaan baharu atau inovasi sedia ada. Tanpa sumber kewangan mencukupi, syarikat pemula mungkin bergelut memperluaskan operasi.

